

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 16 TAHUN 1978

Tuan,

**Bayaran Tunggakan Gaji Bersih Baru Bagi Pegawai-
pegawai Kontrak di bawah Surat Pekeliling
Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1977**

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1977](#) melaksanakan penyelarasan gaji pegawai-pegawai kontrak di Semenanjung Malaysia ke tanggagaji bersih baru Jawatankuasa Kabinet. Menurut Surat Pekeliling Perkhidmatan yang tersebut, Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan adalah dikehendaki mengeluarkan Sijil Catitan atau 'Endorsement Certificate' yang bertujuan menyelaraskan gaji yang dibayar di bawah kontrak lantikan kepada tanggagaji bersih baru yang ditetapkan bagi jawatan - jawatan yang sama bagi pegawai - pegawai kontrak yang masih berkhidmat pada 1.7.77. Tarikh kuatkuasa penyelarasan gaji kepada tanggagaji bersih baru itu ialah 1.1.76 manakala pembayaran tunggakan gaji yang terlibat ialah bagi tempuh perkhidmatan di antara 1.1.76 atau tarikh selepasnya bergantung kepada kesemasaan kontrak masing - masing hingga 30.6.77.

2. Tribunal Perkhidmatan Awam telah mengambil keputusan dalam Kes Rujukan Bil. 3/78 bahawa kuatkuasa dan pembayaran tunggakan gaji di dalam penyelarasan kepada tanggagaji bersih baru hendaklah meliputi dan termasuk tarikh 1.1.76 hingga 30.6.77 dalam keadaan seperti berikut :

- (a) Seseorang pegawai kontrak itu masih berkhidmat pada 1.7.77; dan
- (b) Perkhidmatan pegawai kontrak itu tidak terputus, walaupun kiranya kontrak lantikan berkenaan dibaharui di antara tarikh 1.1.76 dan 30.6.77

3. Oleh hal yang demikian adalah diputuskan bahawa pegawai - pegawai kontrak di Semenanjung Malaysia yang telah dilantik sebelum 1.7.77 yang mempunyai perkhidmatan yang bermula sebelum daripada 1.1.76 yang boleh memenuhi syarat menurut keputusan Tribunal Perkhidmatan. Awam seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas bolehlah dibayar tunggakan gaji kepada mereka mulai dari 1.1.76 atau tarikh selepasnya hingga 30.6.77.

4. Keputusan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hanya melibatkan pegawai - pegawai kontrak yang tidak menerima tunggakan gaji mulai daripada 1.1.76 mengikut [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1977](#) sungguhpun mereka berada tanpa terputus dalam perkhidmatan pada kedua - dua tarikh iaitu 1.1.76 dan 1.7.77. Tunggakan gaji yang boleh dibayar ialah perbezaan di antara tunggakan gaji yang mereka patut terima berdasarkan keputusan baru ini dengan tunggakan gaji yang telahpun dibayar kepada mereka dahulu.

5. Pegawai - pegawai kontrak yang telah dibayar tunggakan sepenuhnya mengikut [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1977](#), tidak terlibat dalam keputusan ini.

Keputusan ini juga tidak melibatkan pegawai-pegawai kontrak yang telah tamat kontrak mereka dengan Kerajaan Malaysia sebelum 1.1.77 dan telah pun menerima apa - apa faedah di bawah kontraknya sebagaimana dalam Surat Perjanjian Lantikan mereka.

6. Ketua - ketua Jabatan adalah dengan ini diminta menyampaikan dengan secepat mungkin kepada Suruhanjaya - suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan satu senarai pegawai - pegawai kontrak yang memenuhi syarat seperti tersebut di perenggan 2 di atas untuk melaksanakan keputusan ini bagi mereka yang terlibat.

7. Sehubungan dengan ini Ketua - ketua Jabatan hendaklah sentiasa menyemak dan mematuhi syarat - syarat yang diikat di dalam Surat Perjanjian Perlantikan pegawai kontrak supaya membezakan di antara tempoh kontrak yang dilanjutkan dengan lantikan kontrak yang dibaharui. Hanya lantikan kontrak yang dilanjutkan tempohnya yang tidak mempunyai tempoh perkhidmatan yang terputus.

8. Sebarang kemusykilan yang timbul mengenai perkara ini hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini untuk nasihat.

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSUDDIN BIN DAHLAN)

Bahagian Perjawatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

sk Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman & Perundangan,
Jalan Young,
Kuala Lumpur.

sk Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Jalan Young,

Kuala Lumpur.

- sk Setiausaha,
Suruhanjaya Pasukan Polis,
Jalan Datuk Onn,
Kuala Lumpur.

- sk Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran,
Jalan Spooner,
Kuala Lumpur.

- sk Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi,
Bangunan Pejabat - pejabat Kerajaan,
Jalan Gurney,
Kuala Lumpur.

- sk Akauntan Negara,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

- sk Juru Odit Negara,
Jalan Young,
Kuala Lumpur.